

BAB III

BAB III

PANDANGAN ULAMA' DAN SARJANA-SARJANA MENGENAI BUAH FIKIRANNYA

(a) Pendahuluan

Telah disebut sebelum ini bahawa Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab seorang tokoh yang kontroversi kerana ada buah fikirannya berbeza dengan buah fikiran ulama-ulama sezamannya. Sebahagian ulama dan sarjana Islam dan Barat memburuk-buruk dan merendah-rendah beliau dengan mengatakan beliau membawa ajaran salah dan menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar dan menyimpang jauh dari ajaran mazhab empat. Kerana itu beliau dan pengikut-pengikutnya dipanggil dengan panggilan "**orang-orang wahhabi**", atau "**pengikut wahhabi**" yang dikira golongan yang keluar dari Ahli Sunnah wal-Jamaah.¹ Ulama-ulama dan sarjana-sarjana tersebut kebanyakannya terdiri daripada musuh-musuh beliau yang ada setengahnya tidak mengetahui sejarah hidup dan perjuangannya dengan sebenar.²

-
1. Telah dijelaskan sebelum ini.
 2. Akan dijelaskan selepas ini.

Manakala segolongan ulama dan sarjana lain lagi bersikap sebaliknya, mereka menganggap Muhammad seorang tokoh *Islah* atau reformasi Islam dan *mujaddid* abad dua belas hijrah bersamaan abad lapan belas masihi. Beliau seorang tokoh ulama Ahli Sunnah wal-Jamaah dari mazhab Hanbali, dia datang merubah masyarakat Islam khususnya di Semenanjung Tanah Arab supaya kembali menghayati kemurniaan Islam berdasarkan ajaran al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w. serta menjauhi dari unsur-unsur syirik, khurafat dan bid'ah sehingga dia bersama Amir Muhammad ibn Saud akhirnya dapat menubuh kerajaan Islam Arab Saudi dengan melaksanakan Syariat Islam secara menyeluruh, iaitu *mentatbukkan* hukum-hukum Islam keseluruhannya termasuk hukum hudud dan lain-lain.¹

Bagi menjelaskan sikap dan pandangan kedua-dua golongan ulama dan sarjana yang memburuk-buruk dan yang menyokong beliau, di bawah ini akan disebut sebahagian daripadanya.

(b) **Pandangan Ulama Dan Sarjana Yang Menyokongnya**

Walaupun ramai ulama dan sarjana yang tidak bersetuju dan menentang beliau, ramai juga dari kalangan

1. Akan dijelaskan sebahagian pendapat tersebut selepas ini.

mereka yang memuji dan mengatakan beliau seorang seorang **mujaddid** abad kedua belas hijrah bersamaan abad lapan belas masihi sebagaimana yang disebutkan sebelum ini. Beliau bangun merubah suasana umat Islam khususnya di Najd dan Semenanjung Tanah Arab kepada menghayati Islam yang murni, dan sebagai penyambung kepada dakwah yang dilakukan oleh Ibn Taimiyyah di abad yang kelapan hijrah. Di antara ulama dan sarjana-sarjana yang menyokong dan memuji beliau ialah:

(i) **Al-Zirkali**

Al-Zirkali dalam kitabnya **al-'ilam** ada menyebut bahawa Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab salah seorang tokoh **islah** atau reformasi Islam. Ramai tokoh **islah** yang datang kemudian seperti Jamaluddin al-Afghani, Shaykh Mahmood al-Alusi, Jamaluddin al-Qasimi dan lain-lain lagi terpengaruh kepada pembaharuan yang dibuat oleh beliau. Al-Zirkali menyebut:

"Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab Ibn Sulaiman al-Tamimi seorang ketua kebangkitan Islam dan reformasi baru di Semenanjung Tanah Arab. Dakwahnya merupakan sumber utama bagi kebangkitan dan kesedaran golongan pembaharuan di dunia Islam seluruhnya sehingga ramai tokoh-tokoh reformasi terpengaruh kepadanya termasuk di India, Mesir, Iraq, Syam dan lain-lain lagi. Di Baghdad lahirnya Shyakh Mahmood al-Alusi, di Afghanistan lahir

Jamaluddin al-Afghani, di Mesir lahir Muhammad Rasyid Redha dan Muhammad Abduh, Jamaluddin al-Qasimi lahir di Syam, Khairuddin Tunisi lahir di Tunisia, Sadiq Khan di Bahabal India dan Amir Ali di Calcutta India.¹

Dari petikan di atas jelas bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab seorang tokoh *Islah* atau reformasi Islam di abad dua belas hijrah yang dapat mempengaruhi ramai tokoh pembaharuan Islam di beberapa buah negara Islam terutama di Timur Tengah dan India.

(ii) **Shaykh Muhammad al-Sanani**

Shaykh Muhammad Ibn Ismail al-Sanani seorang ulama hadith dari Yaman yang mengarang kitab "*Subul al-Salam*" adalah seorang ulama sezaman dengannya. Apabila beliau mengetahui Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab ingin menghidupkan ajaran Islam dengan menentang khurafat dan bid'ah, juga mengajak umat Islam supaya berpegang kepada ajaran wahyu dan sunnah Rasulullah s.a.w., beliau memuji Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab melalui syair-syairnya yang panjang. Dalam syair itu antara lain Shaykh Muhammad al-Sanani menyebut:

1. Khairuddin al-Zirkali, *al-'Ilam Qamus Tarajum*, jid. 6 cet. 3, t.t., hlm. 257

Telah tersebar berita mengenainya,
Dia menghidupkan syarit mulia.

Dia menyebar ajaran yang
disembunyikan,
Oleh si jahil dan *mubtadi'*, sama
dengan yang Ku lakukan.

Rukun syariat yang runtuh ditegap
semula,
(Runtuh kerana) pemujaan kubur
menyesat manusia.

Orang ramai kembali seperti memuja
patung *suwa'*,
Patung *Yaghuth* dan *Wud*, ini sejahat-
jahat pemujaan.

Mereka menyebut-yebut nama seperti
itu sewaktu ditimpa bencana,
Seperti orang kesusahan menyebut-
yebut Allah yang Esa

Tidak ada dosa bagi Muhammad (Ibn
Abd al-Wahhab),
Kecuali dia mengajak menghukum
dengan hukum Allah.

Juga mengajak mengikut sunnah Nabi
s.a.w.,
Adakah selain syariat Allah boleh
memberi petunjuk?¹

Dari beberapa rangkap syair di atas jelaslah
bahawa Shaykh Muhammad al-Sanani memuji usaha dakwah
Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan menganggap dakwahnya sama
seperti dakwah yang beliau lakukan sendiri.

1. Ahmad Ibn Hajar Alu Butami, *op.cit.*, hlm. 109.

Di jelaskan juga Muhammad Ibn Abd al-Wahhab menghidupkan sunnah Nabi, melaksanakan syariat Islam, menghapuskan amalan-amalan syirik yang banyak dilakukan oleh ramai umat Islam di Semenanjung Tanah Arab masa itu.

Kalau Muhammad Ibn Abd al-Wahhab sesat dan menyeleweng tentu Shaykh al-Sanani tidak memujinya sedemikian rupa. Seorang ulama seperti beliau takkan sanggup memuji orang yang sesat.

(iii) **Shaykh Muhammad Ali al-Syaukani**

Shaykh Muhammad Ibn Ali al-Syaukani seorang lagi ulama besar dari Yaman pengarang kitab "**Nail al-Autar**" dan kitab tafsir "**Fath al-Qadir**" beliau juga memuji-muji Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab melalui beberapa rangkap syair-syairnya. Beliau mengatakan Muhammad seorang ulama pembawa kebenaran, memerangi kesesatan, mengajak orang ramai kembali berpegang kepada al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Antara lain beliau menyebut:

Ilmu agama mula lenyap dengan matinya beliau,
Kebenaran hilang di bawah keruntuhannya.

(Dia) Imam Kebenaran, pemusnah musuh
dan kejahatan,
Penghilang dahaga kejahilan dan
penyebar pengetahuan.

Imam manusia, tanda (atau lambang) zamannya dan contoh bagiku.
Ulama besar, tunggal memiliki kemuliaan.

Muhammad ampunya kemulian dan perolehi ketinggian.
Kedudukan beliau tiada bandingnya.

(Kepada beliau) hamba Tuhan yang **al-Wahhab** ku takziahkan,
Kau semulia sifat dan semulia keturunan.

Rahmat besar dari **al-Rahman**
dicurahkan,
Membasahi bumi pagi dan petang.

Terpancar Najd dengan cahaya sinarannya,
Tegap sendi-sendi petunjuk dengan bukti.¹

Dari pujian di atas jelaslah bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab seorang tokoh pejuang Islam yang besar, berjuang membetulkan ajaran Islam yang telah banyak berlaku penyelewengan dan kerosakan, juga menjelaskan yang Muhammad mempunyai sifat-sifat mulia dan terpuji, dia bukan pembawa ajaran sesat dan menyeleweng sepertimana yang didakwa oleh musuh-musuhnya.

(iv) **Muhammad Rasyid Redha**

Muhammad Rasyid Redha dari Mesir di antara tokoh Islam yang menganggap Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab

1. *Ibid.*, hlm. 112-113.

seorang tokoh *islah* dan *mujaddid* abad dua belas hijrah, seorang penyambung perjuangan yang dilakukan oleh Ibn Taimiyyah yang lahir di abad kelapan hijrah.

Dalam kata-kata aluan beliau dalam kitab "*Siyarah al-Insan An Waswas al-Shaykh Dahlan*"¹ karangan Muhammad Basyir al-Sahsawani al-Hindi seorang ulama besar India. Muhammad Rasyid Redha menyebut beberapa kelebihan Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab, dan menganggap al-Sayyid Ahmad Dahlan sebagai musuhnya yang banyak menyebut berbagai-bagai tuduhan karut terhadap Muhammad.

Dalam kata-kata aluan itu antara lain Muhammad Rasyid Redha menyebut:

"Bagi setiap abad apabila tersebar luas bid'ah, mesti ada ulama *mujaddid* mentajdidkan urusan agama Islam, menjalankan tugas dakwah, mengajar, dan mengajak orang berakhlak mulia, menentang penyelewengan yang dilakukan oleh golongan pelampau, sesat dan jahil. Maka Shaykh Muhammad yang lahir di Najd adalah salah seorang dari

1. Kitab ini adalah sebuah kitab jawapan dan penerangan terhadap tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh Sayyid Ahmad Dahlan terhadap Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab. (Lihat kitab dari awal sampai akhir).

mujaddid mengajar orang membersihkan tauhid, iklaskan ibadat kepada Allah yang Esa sesuai dengan ajaran al-Qur'an dan Sunnah, menyuruh orang meninggalkan bid'ah dan maksiat, menghidupkan syiar agama dan menjaga urusan agama yang ditinggalkan. Kerana dia menjalankan tugas tersebutlah maka ramai musuhnya bangkit menentangnya dengan melalui tiga kekuatan, pertama kekuatan kerajaan dan pemerintahan, kedua kekuatan pembantu kerajaan dari kalangan ulama-ulama **munafik**, dan ketiganya kekuatan orang ramai yang jahil."

"Di antara orang yang menentang Shaykh Muhammad dan dakwahnya ialah orang Arab Badawi yang jahat, yang selalu merampas dan merompak harta orang ramai, mereka menganggap membunuh orang Islam adalah halal dan mereka berhukumkan kepada **taghut** pada semua perkara... tetapi mereka tetap memanggil diri mereka orang Islam, di kalangan mereka tersebarinya bid'ah dan maksiat juga mereka meninggal petunjuk syarak.¹

Mengenai sikap al-Sayyid Ahmad Dahlan yang menjadi musuh Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab, Muhammad Rasyid Redha menyebut:

"Golongan yang menuduh Shaykh Muhammad dengan berbagai-bagai tuduhan terdiri dari beberapa orang ulama dari berbagai-bagai buah negeri, ada dari Baghdad iaitu

1. Muhammad Basyir al-Sahsawani, *Siyarah al-Insan An Waswas al-Shaykh Dahlan*, hlm. 6-7.

Jamil al-Zahawi, dan yang terkenal ialah Mufti Makkah al-Sayyid Ahmad al-Zaini Dahlan. Beliau pernah penulis risalah khas memburuk-buruk Shaykh Muhammad, percetakan pertama di Makkah diadakan di zamannya dan dicetak risalah tersebut dan lain-lain karangan lagi, kemudian dengan bantuan Amir Makkah waktu itu, risalah dan buku-buku tersebut di sebar kepada jamaah haji dari berbagai-bagai negara, dengan itu tersebarlah tuduhan-tuduhan itu, kemudian orang ramai di negeri masing-masing pula menyebarnya semakin luas akhirnya orang-orang ramai sama ada orang awam atau ulama mempercayai tuduhan itu lalu dianggap benar dan betul.¹

Selain dari itu Muhammad Rasyid Redha juga menyebut bahawa sewaktu kecilnya beliau mendengar cerita mengenai **Wahhabi** yang diambil dari risalah al-Sayyid Ahmad al-Zaini Dahlan dan dari risalah-risalah lain yang seumpamanya. Beliau juga mengakui tidak mengetahui kedudukan sebenar golongan **wahhabi** itu sehingga dia membaca kitab sejarah yang ditulis oleh al-Jabruti dan sejarah-sejarah lain lagi. Dari situ beliau dapat maklumat bahawa golongan **wahhabi** sebenarnya mahu mentajidkan agama Islam dan ajarannya seperti di zaman awal. Kerajaan Othmani Turki menentang gerakan ini semata-mata kerana takut kerajaan Islam kembali dapat

1. *Ibid.*, hlm. 7-8.

kepada keturunan Arab dan akan kembalinya khalifah Islam dalam bentuk awalnya."¹

Beliau juga menyebut bahawa Shaykh Abd. Basit al-Bakhuri mufti Beirut menulis buku sejarah Islam dan di dalamnya disebut mengenai dakwah Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab serta memuji beliau. Dikatakan dakwah beliau ada banyak persamaan dengan dakwah para nabi dan rasul. Cuma golongan *Wahhabi* ini agak keras dalam agama. Muhammad Rasyid Redha merasa hairan bagaimana mufti tersebut berani memuji Shaykh Muhammad di waktu pemerintah Sultan Abd. Hamid kerajaan Othmani Turki yang memusuhi Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab sedang berkuasa.²

Kemudian Rasyid Redha menyebut lagi dia banyak membaca kitab-kitab dan risalah-risalah tulisan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan anak cucunya juga tulisan ulama-ulama Najd yang lain di waktu kebangkitan dan perkembangan dakwahnya. Hasilnya dia dapati setiap tentangan, tuduhan dan cacian kesemuanya dijawab oleh mereka dan setiap tuduhan bohong yang dilempar kepada mereka dijawabnya secara terus terang dengan mengatakan, "Maha Suci Allah, ini adalah tuduhan karut yang besar."

1. *Ibid.*, hlm. 8.

2. *Ibid.*

Selain itu beliau menambah lagi, tidak mungkin al-Sayyid Ahmad al-Zaini Dahlan yang memusuhi Muhammad tidak melihat dan membaca kitab-kitab dan risalah-risalah tersebut sedangkan dia tinggal di Makkah berdekatan dengan golongan tersebut. Kalau dia membacanya tiba-tiba dia berterusan menentang dan membuat tuduhan-tuduhan bohong, maka dia tergolong dari orang yang menjual agamanya dengan dunia.¹

Dari petikan di atas jelaslah bahawa Muhammad Rasyid Redha memuji Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan dakwahnya serta tidak bersetuju dengan sikap al-Sayyid Ahmad al-Zaini Dahlan yang menuduh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dengan tuduhan yang bukan-bukan. Sedangkan tuduhan-tuduhan itu bohong dan karut, sengaja diadakan bagi memburuk-buruk Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan dakwahnya.

(v) **Ahmad Amin**

Ahmad Amin seorang penulis Mesir terkenal mengolongkan Muhammad Ibn Abd Wahhab sebagai salah seorang dari sepuluh orang tokoh *Islah Islam*. Sepuluh

1. *Ibid.*, hlm. 9.

orang tokoh *islah* itu disebut dalam kitabnya, "Zuama al-*Islah al-Islami fi al-'Asri al-Hadith*", mereka itu ialah Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab (1115H. - 1206H - 1703M. - 1791M) di Arab Saudi, Madhat Pasya (1238H. - 1301H. - 1822M. - 1883M.) di Turki, Jamaluddin al-Afghani (1254H. - 1314H. - 1839M. - 1897M.) di Afghanistan, Ahmad Khan (1817H. - 1898M.) di India, Khairuddin Pasya al-Tunisi (1225H. - 1307H. - 1810M. - 1879M.) di Tunisia. Manakala di Mesir, Abdullah Nadim Pasya (1261H. - 1313H. - 1845M. - 1896M.) juga Muhammad Abduh (1266H. - 1323H. - 1849M. - 1905M.).¹

Sewaktu beliau menerang mengenai Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab, Ahmad Amin mengatakan dia mengambil berat mengenai tauhid yang dianggap tiang agama Islam yang berasaskan kepada kalimah "*Lailaha illallah*". Tauhidlah membezakan agama Islam dengan agama-agama lain, Nabi Muhammad mengajak orang ramai kepada Tauhid. Kerana Muhammad dan pengikut-pengikutnya mengambil berat mengenai perkara tauhid mereka dipanggil *Muwahhidun* (orang yang mentauhidkan Allah), manakala sebutan *wahhabi* adalah nama yang diberi oleh musuh-musuh mereka dan digunakan oleh Barat, kemudian lama kelamaan

1. Ahmad Amin, *Zuama al-Islah al-Islami fi al-'Asri al-Hadith*, dari awal sampai akhirnya.

nama itu disebut oleh orang ramai.¹

Ahmad Amin menjelaskan lagi bahawa ajaran dakwah Muhammad Ibn Abd al-Wahhab banyak terpengaruh kepada ajaran Ibn Taimiyyah yang lahir di abad ketujuh hijrah yang mengharuskan berijtihad walaupun menyalahi pendapat Imam Ahmad Ibn Hanbal dan imam mazhabnya. Muhammad mengajak orang ramai sama seperti Ibn Taimiyyah iaitu supaya meninggalkan bid'ah dan menumpukan ibadat serta berdoa hanya kepada Allah jua, dan tidak memohon sesuatu dari roh para wali dan tidak dari kubur-kubur mereka. Kalau menziarahi kubur hendaklah dengan tujuan mengambil ikhtibar dan pengajaran, bukan untuk bertawassul dengannya dan bukan juga untuk memohon pertolongan dan *syufaat* darinya. Menyembelih binatang untuk kubur, bernazar kepadanya, meminta dan memohon sesuatu darinya adalah syirik tidak direndai oleh Allah, bahkan ia boleh meruntuhkan tauhid keseluruhannya.²

Dari sini jelas Ahmad Amin menganggap Muhammad Ibn Abd al-Wahhab seorang tokoh *mujaddid* abad dua belas hijrah.

1. *Ibid.*, hlm. 10.

2. *Ibid.*, hlm. 10-13.

Selain dari ulama-ulama dan sarjana-sarjana Islam yang disebut di atas, ramai lagi ulama dan sarjana lain memuji dan menganggap Muhammad Ibn Abd al-Wahhab seorang *mujaddid*, seorang tokoh reformasi yang boleh merubah suasana masyarakat masa itu, umpamanya Shaykh Muhammad Abd. Hamid al-Faqi ketua Jamaah Ansar al-Sunnah al-Muhammadiyyah di Mesir dan seorang ulama. Beliau menyebut bahawa pengikut Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab mengikut mazhab Hanbali dalam perkara *Furu'* (Fekah) sama seperti pengikut-pengikut mazhab-mazhab lain, mereka tidak pernah mendakwa samada dengan kata-kata atau dengan tulisan yang Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab membawa ajaran mazhab baru, juga tidak pernah mendakwa dia mengadakan satu ilmu baru selain daripada yang ada di sisi *Salafus al-Saleh*, bahkan usaha dan jihadnya untuk menghidupkan dan menghayati ajaran agama Islam yang sebenar dan mengembalikan orang ramai kepada memurnikan tauhid kepada Allah juga melakukan ibadat kepadaNya seperti yang ditetapkan oleh al-Qur'an di samping mentaati SyariatNya.¹

Manakala Muhammad Diya'uddin al-Ris dalam majalah "*al-Irsyad*", keluaran Kuwait menyebut bahawa apa yang

1. Ahmad Ibn Hajar Alu Butami, *op.cit.*, hlm. 119-120.

disebut-sebut mengenai mazhab **Wahhabi** sebenarnya ia bukan mazhab tertentu, itu hanya satu anggapan dari golongan tertentu, dia sebenarnya tidak keluar dari salah satu mazhab **sunni** yang diakui umum. Pengikut **wahhabi** mengenai perkara **Furu'** (Fekah) mengikut mazhab Imam Ahmad Ibn Hanbal. Manakala mengenai aqidah mengikut mazhab Ahli Sunnah wal-Jamaah khusus seperti yang diterangkan oleh imam Ibn Taimiyyah seorang ulama **sunni**. Ibn Taimiyyah merupakan guru yang mengajar beliau secara langsung (melalui kitabnya) walaupun jarak masa di antara kedua-duanya selama empat abad.¹

Selain itu Muhammad Diya'uddin menyebut lagi bahawa di antara prinsip-prinsip asas dakwah **wahhabi** dia mahu memurnikan tauhid dari unsur-unsur syirik lahir dan batin, tidak mengharap sesuatu selain daripada Allah, tidak melampau dalam memuji Rasulullah s.a.w. sehingga dianggap baginda terkeluar dari tabiat manusia. Akidah beliau bersumberkan akidah **salaf**. Gerakan **wahhabi** merupakan satu kebangkitan yang ikhlas mahu menghayati Islam yang **syumul**, satu kebangkitan kerohanian yang berani, dan ia satu dakwah kepada agama Islam yang hak,

1. *Ibid.*, hlm. 133-134. Ibn Taimiyyah dianggap guru Shaykh Muhammad kerana banyak buah fikirannya diterima oleh beliau dan kitab-kitab karangan Ibn Taimiyyah dianggap rujukan penting baginya.

satu *islah* yang dapat menyedarkan akal-akal yang tidur, dapat menggerakkan perasaan yang beku, dia mengajak orang ramai supaya mengulang kaji semua ajaran agama demi untuk memurnikan akidah dan membersihkan akal dari segala khurafat dan bid'ah.¹

Selain dari itu Taha Hussin seorang sarjana Bahasa Arab juga memuji beliau dan dakwahnya dengan menyebut bahawa sesiapa yang mengkaji mengenai kehidupan, pemikiran dan kesusasteraan di Semenanjung Tanah Arab dia tidak boleh melupai satu gerakan yang keras lahir di abad ke lapan belas masihi, kerananya dunia baru di Timur dan di Barat memberi tumpuan dan perhatian kepadanya, dan ia memberi kesan kepada dunia, bukan kepada Semenanjung Tanah Arab sahaja tetapi juga kepada bangsa Eropah. Gerakan itu ialah gerakan *wahhabi* yang dicetus oleh Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab seorang ulama dari Najd.²

Bagi Taha Hussin gerakan atau mazhab baru ini sebenarnya mazhab lama, ia baru pada pandangan orang sekarang, sedangkan pada hakikatnya ia telah lama kerana ia satu dakwah yang kuat mengajak orang ramai kepada Islam yang suci murni bersih dari sebarang unsur-unsur

1. *Ibid.*, hlm. 134.

2. *Ibid.*

syirik dan keberhalaan. Ia dakwah Islam seperti yang dibawa oleh Nabi s.a.w. mengajak orang ramai supaya mengikhlaskan ibadat kepada Allah, menolak segala bentuk perantaraan di antara Allah dan manusia, dia mahu menghidup Islam orang Arab yang asal dan membersihnya dari unsur-unsur kejahilan.¹

Seorang lagi tokoh penulis Islam yang terkenal Abbas Mahmud Aqqad, menyebut bahawa gerakan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab adalah gerakan yang tidak salah, ia satu gerakan yang bersumberkan kepada mazhab Hanbali dan mendapat pengaruh dari buah fikiran Ibn Taimiyyah dan Ibn Qaiyim al-Jauziyyah, manakala kedua-dua gerakan Ibn Taimiyyah dan Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab bersumber dari mazhab Hanbali. Selain itu Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab, di samping terpengaruh kepada mazhab Hanbali dia juga terpengaruh kepada gerakan Ibn Taimiyyah dengan melalui pembacaan kitab-kitab dan risalah tulisannya juga fatwanya. Dia menimba ilmu dari sumber-sumber tulisan dan buah fikiran Ibn Taimiyyah. Dalam muzium British ada didapati beberapa risalah Ibn Taimiyyah yang disalin atau ditulis oleh Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab untuk kegunaan sendiri, selain itu di dalam risalah-risalah Muhammad Ibn Abd al-Wahhab yang menjelas

1. *Ibid.*, hlm. 124 - 125.

mengenai dakwahnya dan bagi menjawab tuduhan-tuduhan musuh didapati banyak dia mengambil pendapat Ibn Taimiyyah dan Ibn Qaiyim untuk dijadikan bukti dan dalilnya.¹

Selain itu Aqqad menyebut bahawa ada dari pengikut Muhammad Ibn Abd al-Wahhab cepat mengkafirkan orang yang tidak menerima prinsip ajarannya.²

Bagi Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya, apa yang dikatakan oleh musuh-musuh bahawa mereka cepat mengkafirkan orang yang tidak menerima prinsip ajarannya itu dianggap sebagai satu tuduhan, dan mereka telah memberi jawapan yang panjang lebar mengenainya. Sebagaimana yang disebutkan sebelum ini.

Selain itu Dr. Ali Abd. Halim Mahmod seorang pensyarah dari Mesir juga memuji dakwah Muhammad, dikatakan ia bukan satu mazhab baru tambahan kepada mazhab empat yang diketahui umum, dan bukan satu perkara bid'ah sebagaimana yang disangka oleh orang ramai yang salah tanggapan. Dakwah beliau tidak menyalahi ajaran

1. Dr. Munir al-Ajlani, *op.cit.*, hlm. 362, sebelum ini telah disebut banyak pendapat Ibn Taimiyyah dipetik oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab.

2. *Ibid.*, hlm. 362-363.

al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w., dakwahnya merupakan satu usaha mengajak orang ramai supaya berpegang kepada syariat Islam sebagai satu sistem dan *minhaj* hidup dalam semua urusan sama ada kecil dan besar bermula dari perkara adab-adab Islam sehingga kepada melaksanakan hukum-hukum Allah dan RasulNya. Dakwah beliau merupakan *tajdid* agama untuk diterapkan ke dalam jiwa umat Islam dan untuk dihidupkan dalam pemikiran dan amalan mereka sepetimana yang diturunkan oleh Allah kepada RasulNya.

Dr. Ali Abd. Halim Mahmud menambah lagi dengan menyebut bahawa beliau seorang *mujaddid* Islam mengajak dan menyeru umat Islam sepetimana dilakukan oleh *mujaddid* terdahulu, mengajak mereka kepada Allah dan RasulNya, kepada mengikut kebenaran yang datang dari Allah, mengajak orang ramai bangkit dan sedar dalam semua urusan hidup mereka, dalam bidang akidah, ibadat, akhlak dan dalam semua perkara yang mendatangkan kebaikan kepada mereka di dunia dan di akhirat.¹

1. Dr. Ali Abd Halim Mahmood, *al-Salafiyyah Wa Da'wah al-Shaykh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab*, cet. 1, Maktabah 'Ukaz Li al-Nasyr wa al-Tauzi', Riyadh, 1981, 1140H, hlm. 51-52.

Apa yang disebut oleh Dr. Ali Abd. Halim Mahmud di atas itu ada persamaan dengan apa yang dijelaskan oleh Dr. Ahmad al-Sarbasi, seorang Profesor dari Universiti Azhar, yang dijelaskan di dalam kitab himpunan Fatwanya.

Di antara lain Dr. Ahmad al-Sasbasi menyebut:

"Dakwah **Wahhabi** yang dinisbahkan kepada Shaykh Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab itu bukannya satu mazhab bagi golongan tertentu, bahkan mengikut fahaman yang sebenar ia adalah satu **tajdid** dalam Islam; sebab itu ramai orang menganggap Shaykh Muhammad sebagai **mujaddid** di abad ketiga belas hijrah yang termasuk dalam maksud hadith Nabi s.a.w. yang bermaksud: "Sungguhnya Allah mengutus kepada umat Islam ini bagi tiap-tiap seratus tahun seorang yang mentajdidkan agamanya."²

"Setengah orang menamakan dakwah ini dengan "dakwah tauhid" kerana intisari dakwah adalah dakwah **Salafiah**.. Manakala segolongan yang lain memanggil mereka "golongan **wahhabi**" dinisbahkan kepada nama ayahnya Abd. al-Wahhab. Penyokong-penyokong dakwah **islah** ini tidak bersetuju dengan panggilan tersebut, dan mungkin orang yang memberi nama .

-
1. Yang sebenarnya diabad dua belas hijrah, bukan tiga belas, ini mungkin kesilapan Dr. Ahmad al-Sarbasi.
 2. Imam Jamaluddin Abd Rahman Ibn Abu Bakar al-Suyuti, **op.cit.**, jid. I, hlm. 74.

itu kepada mereka adalah dari kalangan orientalis Barat dan pengikut-pengikutnya yang memusuhi Shaykh Muhammad."¹

Dari petikan yang disebut di atas jelaslah, ramai ulama dan sarjana Islam menganggap Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab dan dakwahnya tidak menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar dan ia adalah penyambung gerakan Ibn Taimiyyah yang mahu menghidupkan akidah *Salatus al-Saleh* dan dari segi fekahnya dia mengikut mazhab Hanbali, juga beliau dianggap sebagai *mujaddid* di abad dua belas hijrah bersamaan abad kelapan belas masihi. Selain daripada mereka di atas ramai lagi ulama-ulama lain memuji dan menerima baik dakwah beliau dan menganggap beliau seorang reformasi abad kedua belas hijrah.

Di bawah ini disebut pula beberapa pendapat sarjana Barat:

(vii) **Pandangan Sarjana Barat**

Ada ramai sarjana Barat yang memuji dan menganggap Muhammad Abd. al-Wahhab seorang tokoh yang dapat merubah masyarakat kepada kebaikan, mencetus

1. Dr. Ahmad al-Sarbasi, *Yasalunaka fi al-Din Wa al-Hayat*, jid. 7, Dar al-Jail, Beirut, t.t., hlm. 391.

gerakan *islah* dan sebagainya. Antara tokoh-tokoh itu seperti Lothrop Stoddard, Henry Lammens, R.B. Wender dan lain-lain lagi.¹ Di bawah ini disebut satu dua pandangan mereka.

(a) **Pandangan Lothrop Stoddard**

Lothrop Stoddard ialah seorang sarjana Amerika. Beliau menyebut bahawa pada abad lapan belas masih dunia Islam berada dalam keruntuhan yang teruk dalam segala bidang; agama, akhlak, politik dan sebagainya. Umat Islam tenggelam dalam kebinasaan nafsu syahwat, terkikis sifat-sifat mulia, tersebar kejahilan, pemerintah memerintah dengan menggunakan kuasa kuku besi, hura hara sering berlaku di mana-mana sahaja, bunuh membunuh menjadi perkara biasa, unsur-unsur syirik dan khurafat banyak berlaku, masjid-masjid tidak ramai orang mengunjunginya, ramai orang memuji dan mengunjungi orang-orang wali dan kubur-kubur mereka, ajaran al-Qur'an ditinggal, minum arak berlaku di mana-mana sahaja.

1. Lihat Dr. Munir al-Ajlani, *op.cit.*, jid. 1, hlm. 352-358.

Kemudian disebut lagi bahawa dalam keadaan dunia Islam sedemikian rupa, datang suara seorang pendakwah dari Semenanjung Tanah Arab bangkit mengislahkan masyarakat Islam dan mengajak kembali kepada jalan yang lurus. Suara *islah* itu ialah suara Muhammad Ibn. Abd. al-Wahhab yang menyalakan api *Wahhabi* sehingga apinya merebak ke seluruh dunia Islam.¹

Di tempat lain Lothrop Stoddard membuat kesimpulan katanya:

"Dakwah *Wahhabi* adalah dakwah *islah* yang suci bersih, matlamatnya mahu memperbaiki dan mengislahkan penyelewengan, menghapuskan segala *syubuhat*, menghapus segala yang karut, menentang dan menghapus bid'ah dan pemujiaan kepada para wali. Kesimpulannya dakwah *wahhabi* ialah dakwah mahu kembali kepada Islam yang asal, yakni mahu berpegang kepada ajaran tauhid yang diwahyukan oleh Allah kepada RasulNya yang suci murni berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah."²

Walaupun di atas itu Lothrop Stoddard memuji Muhammad, tetapi di tempat lain beliau menyebut fakta yang salah dengan mengatakan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab

-
1. Lothrop Stoddard, *Hadir al-'Alam al-Islami*, Dar al-Fikr, jid. 1, cet. 4, 1983M - 1394H., hlm. 259-260.
 2. *Ibid.*, hlm. 264.

meroboh **kubbah** di kubur Rasulullah s.a.w. di Madinah dan merosak menara tempat azan di masjid-masjid.¹ Sedangkan yang sebenar Muhammad dan pengikutnya tidak berbuat demikian.

Kenyataan itu memang salah, tidak betul sama sekali. Yang sebenarnya mereka meroboh **kubbah-kubbah** di kubur-kubur lain selain di kubur Nabi s.a.w. dengan alasan untuk "**Saddu al-Zara'ie**" (bagi mengelak dari berlakunya syirik). Manakala menara tempat azan dalam masjid mereka tidak pernah meroboh atau merosaknya. Perkara ini ada dijelaskan oleh al-Ustaz Masud al-Nadawi, dalam bukunya sebagai jawapan kepada tulisan Lothrop Stoddard itu. Di antara lain beliau berkata:

"Di antara tuduhan karut, musuh-musuh mereka mengatakan Amir Saud ibn Abd. Aziz ibn Muhammad ibn Saud (1218H. - 1229H.) ada meroboh **kubbah** di atas kubur Nabi s.a.w. Dan yang menghairankan lagi, ramai ahli sejarah Barat termasuk Lothrop Stoddard, S.M. Zeweimer, D.S. Margolioth dan lain-lain lagi menyebut cerita-cerita bohong dan karut itu. Sebenarnya penduduk Najd walaupun mereka menentang membina **Kubbah** di atas kubur, mereka tidak memandang buruk kepada kubur Rasulullah s.a.w. dan binaan di atasnya dari dahulu sampai hari ini.

1. *Ibid.*, dan telah disebut sebelum ini dalam bab ketiga.

Tuduhan yang mengatakan mereka meroboh binaan **kubbah** di kubur Rasulullah s.a.w. adalah satu tuduhan karut dan cerita palsu yang tidak ada sebarang bukti.¹

(b) **Encyclopedia of Britanica**

Buku Enscyclopedia of Britanica selepas menyebut sejarah kelahiran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, menjelaskan beliau adalah pakar dalam ilmu Theologi dan pengasas gerakan **wahhabi** yang cuba hendak mengembalikan semula prinsip-prinsip Islam yang sebenar, dan perkataan **wahhabi** biasa diguna oleh orang-orang bukan Islam. Pengikut-pengikut beliau menamakan golongan mereka golongan **Muwahhidun** (yang mentauhidkan Allah).

Dikatakan Muhammad Ibn al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya mengajak umat Islam (khususnya di Najd) supaya kembali menghayati prinsip-prinsip Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. kerana itu mereka menentang perkara-perkara khurafat dan bid'ah. Beliau mengajak orang ramai kepada ajaran al-Quran dan sunnah dan dia banyak terpengaruh kepada ajaran Ibn Taimiyyah dan Imam Ahmad Ibn Hanbal dalam perkara akidah dan hukum hakam (Fekah). Beliau membentuk negara Islam

1. Al-Ustaz Masud al-Nadawi, **op.cit.**, hlm. 183.

berdasarkan kepada undang-undang Islam semata-mata.¹

Pandangan yang hampir sama disebut dalam *Encyclopedia International*. Buku ini antara lain menyebut bahawa gerakan **wahhabi** yang diasaskan oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab adalah satu gerakan yang kuat mengikut mazhab Ahli Sunnah, beliau banyak menolak ajaran-ajaran dan budaya Islam pertengahan yang bukan berasal daripada Nabi Muhammad s.a.w. Beliau menentang pemujaan terhadap keramat dan kubur-kubur. Gerakan beliau disokong oleh Amir Muhammad Ibn Saud sehingga dapat menguasai Mekkah dan Madinah. Gerakan **wahhabi** bangkit menentang taghut dan khurafat, ini dapat menarik perhatian cerdik pandai Islam. Di samping itu gerakan **wahhabi** akhirnya dapat mempengaruhi gerakan-gerakan Islam lain di abad 19M, untuk bangkit menentang penjajah Barat.²

Kedua-dua petikan di atas jelas menunjukkan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab seorang tokoh *islah* yang mengajak umat Islam khususnya di Najd supaya kembali

-
1. Micropedia, *Encyclopedia of Britanica*, cet. 4, jld. 10, Willen Benton, Publisher, 1943-1973, hlm. 510-511.
 2. Valhalla, Zworykin, *Encyclopedia International*, jld. 19, Grolier Incorporated, New York, 1975, hlm. 176.

kepada ajaran al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. dan menghapus unsur-unsur syirik, khurafat dan bid'ah.

Cukuplah setakat ini petikan dan pendapat-pendapat ulama, sarjana Islam dan Barat yang menganggap Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab seorang tokoh *islah* dan *mujaddid* abad dua belas hijrah, bersamaan abad lapan belas masihi mengajak umat Islam kembali menghayati Islam yang murni, jauh dari unsur-unsur bid'ah, khurafat dan syirik, mengajak mereka kembali menghayati akidah *Salafus al-Saleh* dan berpandukan kepada al-Qur'an dan hadith dalam semua urusan hidup. Beliau bukannya membawa ajaran yang menyeleweng atau mazhab baru sebagaimana yang didakwa oleh musuh-musuhnya.

(c) Pandangan ulama' Dan Sarjana Yang Menentang
Beliau

Di samping ramai ulama' dan sarjana yang menyokong dan memuji Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan dakwahnya, ramai juga golongan lain sama ada yang hidup sezaman dengan beliau atau yang selepasnya memburuk-burukannya. Mereka membuat berbagai-bagai anggapan kepadanya. Dikatakan beliau membawa ajaran dan akidah salah dan menyeleweng yang boleh menjadi murtad. Dituduh dia telah menjadi kafir (murtad), dia mentajsimkan Allah, mendakwah menjadi nabi, merendah-rendah kedudukan baginda, tongkatnya lebih mulia dari Nabi, dilarang berselawat kepada Nabi, dikatakan dia mengkafir orang yang tidak mengikutinya, dituduh dia mengatakan rukun Islam enam perkara, dia seorang yang sesat dan menyesatkan orang lain dan banyak lagi tuduhan-tuduhan lain.¹

Di antara ulama' sezamannya yang memburuk-burukkan beliau ialah Abdullah Ibn Isa al-Muis (M.1175H.), Abd. Aziz Ibn Abd. Rahman Ibn 'Udwan (M.1179H.), Sulaiman Ibn Muhammad Ibn Suhaim (M.1181H.),

1. Akan disebut beberapa tuduhan tersebut selepas ini.

saudara kandungnya Sulaiman Ibn Abd. Wahhab (M1208H.).¹ Muhammad Ibn Fairuz (M.1216H.), Muhammad Ibn Abd. Rahman Ibn 'Afaliq (M.1164H.).² Mufti Mekkah yang datang selepasnya iaitu al-Sayyid Ahmad Zaini Dahlan dan lain-lain lagi. Kemudian diikuti oleh ulama'-ulama' lain selepas itu silih berganti sampai ke hari ini dari berbagai negeri Islam. Selain dari itu ada beberapa orang sarjana Barat turut berpendapat sama seperti ulama'-ulama' Islam di atas.³ Di bawah ini penulis kemukakan beberapa pandangan ulama'-ulama' dan sarjana-sarjana kumpulan ini sebagai contoh.

(a) **Muhammad Ibn Abd. Rahman al-Afaliq**

Beliau dikatakan salah seorang ulama' musuh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab. Dia mengatakan Muhammad mendakwa menjadi Nabi. Ini ada disebut dalam surat jawapan beliau kepada Amir Othman Ibn Muammar yang memerintah di Uyainah yang pernah memberi sokongan

-
1. Mengikut catatan sejarah Sulaiman saudaranya ini akhirnya kembali menyokong beliau selepas itu. Lihat: *Siyarah al-Insan*, hlm. 462.
 2. Abd. Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif, *op.cit.*, hlm. 38-45.
 3. Lihat Dr. Munir al-Ajlani, *op.cit.*, hlm. 351 dan 360.

kepada dakwah Muhammad sewaktu di awal dakwahnya.¹

Dalam surah tersebut Ibn 'Afaliq menyebut:

"Kalau Musailamah al-Kazzab mendakwa menjadi Nabi dengan lidahnya, (Muhammad) Ibn Abd. Wahhab mendakwa menjadi Nabi dengan melalui *lisan al-hal* (dengan melalui gerak geri dan sikapnya).²

Di tempat lain Ibn Afaliq menyebut:

"Demi Allah sesungguhnya beliau telah mendakwa menjadi Nabi dengan melalui *lisan al-hal*, bukan dengan lidah. Kamu (pengikutnya) meletakkan dia seperti kedudukan Nabi Muhammad s.a.w. dan kamu menerima suruhan dan larangannya.³

Selain itu Ibn Afaliq menyebut bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab mengkafirkan keluarga Rasulullah s.a.w. dan orang Islam yang tidak mengikutnya sebagaimana dijelaskan dalam surat beliau kepada Amir Muammar di atas, katanya:

-
1. Lihat penjelasannya dalam dakwah Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab yang lepas.
 2. Abd Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif, .cit., hlm. 81-82.
 3. *Ibid.*, hlm. 82.

"Kamu mengkafirkan keluarga Nabi, mencaci dan melaknat mereka. Ini adalah sebahagian daripada prinsip ajaran kamu."

Kemudian Ibn Afaliq menambah, katanya:

"Dia bersumpah dengan nama Allah secara zalim dengan mengatakan "orang Yahudi dan Kristian lebih baik daripada umat Islam."¹

Ibn Afaliq juga menganggap Muhammad dan pengikutnya tergolong dari golongan Khawarij.²

(b) **Shaykh Ali Alwi al-Haddad**

Shaykh Ali Alwi al-Haddad menyebut bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab sewaktu mengajar dikatakan beliau menyebut Allah s.w.t. *berjisim*, menyerupai makhluk. Kata-kata seperti itu diambil daripada orang kafir yang ingkar ajaran Islam.³ Manakala dalam kitabnya "*Misbah al-Anam*" dia menyebut bahawa Muhammad menyembunyikan atau merahsiakan dakwaan menjadi Nabi kepada umum, tetapi dapat diketahui dakwaan itu melalui *karinah* (dalil) dari *lisan al-hal*, bukan dengan

1. *Ibid.*, hlm. 163.

2. *Ibid.*, hlm. 178.

3. *Ibid.*, hlm. 126.

pengakuan lidahnya. Beliau lakukan demikian bertujuan untuk mengelak dari timbulnya kebencian orang ramai kepadanya. Juga dikatakan ramai ulama' menyebut bahawa Muhammad Ibn Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab pada awalnya suka dan selalu membaca cerita-cerita orang yang mendakwa menjadi Nabi seperti Musailamah al-Kazzab, Sajjad, al-Aswad al-Ansi, Tulaiyah dan lain-lain lagi.¹

Selain dari itu dikatakan Muhammad merendah-rendahkan martabat dan kedudukan Nabi s.a.w. dengan menggunakan berbagai-bagai *uslub* dan cara. Antaranya beliau mengatakan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai seorang postman atau *Tarisy* " طارش " iaitu orang yang diutus kepada orang tertentu bagi menyampaikan sesuatu perkara atau perintah. Apabila selesai menyampaikan tugas itu dia pun berhenti. Ada juga dikatakan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab ada menyebut bahawa tongkatnya lebih baik dari Nabi Muhammad s.a.w. kerana tongkatnya boleh digunakan untuk memukul ular dan lain-lain sedangkan Nabi Muhammad telah wafat, tidak ada apa-apa manfaat lagi.²

-
1. Shaykh Ali Alwi al-Haddad, *Misbah al-Anam Wa Jala'al-Zalam Fi Rad Syubah al-Bida'i al-Najdi Allati Adallabiha al-'Awan*, al-Matbaah al-'Amirah al-Syarqiyyah, Mesir, 1325, hlm. 4.
 2. *Ibid.*

Shaykh Ali Alwi al-Haddad menyebut lagi bahawa Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab mengengkari keramat para wali dan tidak mengiktiraf keistimewaan mereka.¹ Dia juga mengatakan Muhammad menganggap Allah *berjisim*, bergerak dan berpindah menyerupai dengan makhluk² dan dikatakan beliau mengkafir orang-orang Islam yang tidak mengikutinya dan kalau ada orang yang ingin mengikut beliau disuruh membuat pengakuan khas, supaya berkata, "Naik saksilah ke atas diri kamu bahawa dahulu kamu kafir dan naik saksilah ke atas kedua-dua ibubapa kamu bahawa kedua-duanya kafir, naik saksilah bahawa ulama' sianu dan sianu kafir." Kalau seseorang itu bersaksi demikian barulah orang itu diterima menjadi pengikutnya kalau tidak orang itu boleh dibunuhnya.³

Jadi dari apa yang disebutkan oleh Shaykh Ali Alwi al-Haddad di atas didapati sama dengan apa yang disebut oleh Shaykh Muhammad Ibn Abd. Rahman 'Afaliq sebelum ini.

1. *Ibid.*, hlm. 18.

2. *Ibid.*, hlm. 23.

3. *Ibid.*, hlm. 5 dan Abd. Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif, *op.cit.*, hlm. 165.

(c) Sulaiman Ibn Muhammad Ibn Suhaim

Shaykh Sulaiman Ibn Muhammad Ibn Suhaim seorang lagi musuh Muhammad yang banyak mengkritik ajarannya. Di antara lain beliau menyebut Muhammad merendah-rendah martabat Nabi s.a.w., membakar kitab "*Raudh al-Riyahin*" dan "*Dalail al-Khairat*" yang kedua-duanya ada memuji Rasulullah s.a.w.

Di dalam surat Shaykh Sulaiman yang dihantar kepada ulama'-ulama' seluruh negeri Islam di awal kelahiran dakwah Muhammad Ibn Abd al-Wahhab di antara lain dia menyebut:

"Di antara cara beliau merendah-rendah kedudukan Nabi s.a.w. dia membakar kitab "*Dalail al-Khairat*" (yang ditulis oleh Shaykh Muhammad Ibn Sulaiman al-Maghribi seorang ahli tarikat al-Syazili M.854H.). Kerana di dalamnya ada menyebut: "سَيِّدُنَا وَمَوْلَانَا" juga dia membakar kitab *Raudh al-Riyahin* (karangan Shaykh Abdullah bin Isad al-Syafiee M.767H.). Di antara cara lain lagi dia merendah-rendah kedudukan Nabi s.a.w. dia ada berkata, "sekiranya aku berkuasa dan terdaya dapat merobohkan **kubah** nabi tentu aku akan robohkannya." Juga dia berkata selawat kepada Nabi s.a.w. di hari Jumaat dan malamnya adalah bid'ah dan sesat, menyebabkan orang yang melakukannya akan masuk

neraka.¹

Selain itu Shaykh Sulaiman menyebut lagi bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab mengkafirkan orang Islam semenjak enam ratus tahun sebelum beliau menyebarkan ajarannya, Shaykh Sulaiman menyebut:

"Di antara pembohongan besar beliau, dianggapnya sesiapa yang tidak menerima dan menganggap betul apa yang diajarnya, orang itu dihukum kafir, dan sesiapa yang menerima dan bersetuju dengannya, dia akan berkata kepada orang itu, "Kamu orang yang mentauhidkan Allah", sekalipun dia fasik."²

(d) **Sulaiman Ibn Abd. Wahhab**

Selain daripada tokoh-tokoh di atas saudara kandungnya sendiri Sulaiman Ibn Abd. al-Wahhab pada peringkat awalnya tidak bersetuju dan menentang beliau, menuduh beliau kafir dan dianggap sebagai *Khawarif*. Tetapi pada akhirnya Sulaiman bertaubat dan kembali

1. Abd Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif, *op.cit.*, hlm. 95.

2. *Ibid.*, hlm. 164.

menyokong beliau.¹

Suatu hari Shaykh Sulaiman bertanya Muhammad: Berapakah rukun Islam wahai Muhammad?" Beliau menjawab, "Ada lima", Sulaiman menambah, "Kamu menjadikan rukun Islam itu enam perkara iaitu rukun yang keenam (kamu katakan) sesiapa yang tidak mengikut kamu, mereka bukan orang muslim. Ini merupakan rukun Islam keenam bagi kamu."²

(e) **Muhammad Najib Sauqiyyah**

Shaykh Muhammad Najib Sauqiyyah menyebut beberapa perkara negatif yang dikatakan dilakukan oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab sama seperti apa yang disebut oleh tokoh-tokoh yang terdahulu. Dikatakan Muhammad merendah kedudukan Nabi s.a.w. sehingga dianggap tongkatnya sama dengan Nabi s.a.w. sama-sama tidak boleh memberi sebarang mudarat atau bahaya dan tidak boleh memberi apa-apa manfaat, bahkan masa itu tongkatnya

-
1. Ada surat rasmi dari Sulaiman menjelaskan yang dia bertaubat dan kembali menyokong saudaranya Muhammad, lihat, Muhammad Basyir al-Sahsawani, *op.cit.*, hlm. 426. 462.
 2. Abd Aziz Ibn Muhammad Ibn al-Abd al-Latif, *op.cit.*, hlm. 166. K.H. Sirajuddin Abbas, *lifiqad Ahlussunnah Wal-Jamaah*, cet.3, Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., Kota Bharu, 1983, hlm. 312.

lebih berguna dari Nabi Muhammad s.a.w.¹ juga dikatakan Muhammad mengkafir ramai orang Islam yang tidak mengikutnya.²

(f) **Al-Sayyid Ahmad Zaini Dahlan**

Al-Sayyid Ahmad Zaini Dahlan seorang mufti Mekkah yang hidup selepas Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab, menganggap kelahiran dakwah Muhammad adalah sebagai kelahiran satu fitnah kepada umat Islam, kerana dia membawa beberapa ajaran yang dikira menyeleweng dari ajaran Islam sebenar. Dikatakan beliau membawa ajaran akidah menyeleweng yang boleh menjadi kafir, beragama seperti agama golongan **zindik**, kerana itu Syarif Mekkah raja yang berkuasa di Mekkah waktu itu tidak membenarkan pengikut-pengikut Muhammad menunai haji. Dikatakan juga bahawa di peringkat awalnya dia gemar membaca cerita-cerita mengenai Nabi palsu seperti cerita Musailamah al-Kazzab, Sajjad, al-Aswad al-Ansi, Tulaiyah al-Asadi dan orang-orang lain seperti mereka itu.³

-
1. Abd Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif, *op.cit.*, hlm. 98.
 2. *Ibid.*, hlm. 168
 3. Al-Sayyid Ahmad Zaini Dahlan, *Khalasah al-Kalam fi Bayan Umara' al-Balad al-Haram*, Maktabah al-Kulliyyat al-Azhariyyah, Mesir, 1977M/1397H., hlm. 228-229.

Ahmad Zaini Dahlan juga menyebut Muhammad menyembunyikan rahsia mendakwa menjadi Nabi dan sekiranya boleh diistiharkan tentu dia istiharkan, kalau seseorang pengikutnya telah menunai haji sebelum itu, disuruhnya menunai haji kali kedua kerana haji pertama dikatakan dilakukan sewaktu masih musyrik, sebab itu haji itu tidak berguna. Bagi orang yang ingin memasuki golongannya atau yang mahu mengikuti ajarannya, dipaksa supaya bersaksi ke atas dirinya bahawa dia dahulunya kafir dan bersaksi bahawa kedua-dua ibubapa juga kafir, dan ramai ulama' dahulu juga kafir. Dia mengkafir orang Islam yang hidup semenjak enam ratus tahun yang lalu, mengkafir orang yang tidak mengikutinya, menghalal darah dan harta mereka. Manakala orang yang mengikutnya dikira orang mukmin sekalipun orang itu paling fasik. Dia merendah-rendah kedudukan Nabi s.a.w., ada dari kalangan pengikutnya menyebut tongkatnya lebih baik dari Nabi Muhammad kerana boleh digunakan untuk memukul ular dan lain-lain perkara sedangkan Nabi Muhammad telah wafat, maka tidak ada tinggal apa-apa manfaat lagi. Dia memarahi orang berselawat kepada Nabi s.a.w., ditegah berselawat di malam Jumaat dan di atas membar bahkan diseksa orang yang melakukannya sehingga dia membunuh seorang bilal yang berselawat di atas membar.¹

1. *Ibid.*, hlm. 229-230.

Juga dikatakan beliau melarang pengikutnya dari membaca kitab-kitab fikah, tafsir dan hadith serta membakar sebahagian dari kitab-kitab tersebut, dan membenarkan pengikutnya mentafsir al-Qur'an mengikut fahamnya sendiri. Muhammad Ibn Abd al-Wahhab mendakwa dia membawa satu ajaran agama baru, kerana itu dia tidak menerima agama Nabi Muhammad s.a.w. kecuali menerima al-Quran secara lahir sahaja supaya orang ramai tidak mengetahui hakikat sebenar penyelewengannya. Beliau mentakwil al-Quran sesuai dengan kemahuannya tidak seperti yang ditafsirkan oleh Rasulullah s.a.w. para sahabat, ulama **salafus al-salleh** dan ulama tafsir yang muktabar. Dia membunuh ramai ulama', orang-orang solleh dan orang awam kerana mereka tidak bersetuju dengan ajarannya. Dia mendakwa secara bohong mengikut mazhab Hanbali, sedangkan Imam Ahmad berlepas diri darinya. Beliau melarang orang ramai jangan berdoa selepas bersembahyang kerana dikira bid'ah.¹

Selain itu al-Sayyid Ahmad Zaini juga menyebut Muhammad Ibn Abd al-Wahhab menambah rukun Islam menjadi enam perkara, rukun yang keenam ialah orang yang tidak mengikut beliau dianggap tidak Islam.² Muhammad

1. *Ibid.*, hlm. 230-231.

2. *Ibid.*, hlm. 232.

dianggap seorang yang sesat dan menyesatkan dan akidahnya menyeleweng. Beliau berkata:

"Apabila Allah s.w.t. mahu menyesatkan Muhammad Ibn Abd. Wahhab dan menyesat orang ramai dengan melaluinya, beliau dikuasai oleh syaitan dan menganggap akidah yang direkanya itu betul, lalu dia mengadakan dakwah di seluruh Najd menyebar akidah salahnya kepada orang ramai sedikit demi sedikit, dengan memutar balikannya dan dianggap itu adalah ajaran betul, yang suci murni jauh dari unsur-unsur syirik, lalu ajarannya diterima oleh orang-orang jahil, maka lahirlah satu golongan yang sayang kepadanya, manakala segolongan lain membencinya. Bagi penduduk Diriyyah mereka membela dan mengawal beliau sehingga ada dari mereka menganggap dia sebagai seorang utusan Allah s.w.t. untuk manusia, dengan itu beliau menulis sebuah kitab, "*Kasyf al-Syubhat An Khaliq al-Ardh wa al-Samawat*",¹ di dalamnya beliau mengkafirkan semua orang Islam (yang tidak mengikut beliau) dan menganggap orang Islam semenjak enam ratus tahun lepas menjadi kafir dan murtad.²

(g) Ayyub Sabri Pasha

Ayyub Sabri Pasha salah seorang Laksamana Tentera Laut Kerajaan Othmani di zaman pemerintahan Sultan Abd

-
1. Yang sebenarnya tidak ada kitab Muhammad Ibn Abd al-Wahhab seperti nama di atas yang ada hanyalah kitab "*Kasyf al-Syubhat An al-Tawhid*".
 2. Al-Sayyid Ahmad Zaini Dahlan, *op.cit.*, hlm. 237.

Hamid Khan II adalah di antara penulis yang banyak menyebut keburukan dan penyelewengan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab. Dikatakan dengan sebab buah fikiran Muhammad Ibn Abd al-Wahhablah dapat memperdayakan orang-orang pendalaman penduduk Diriyyah termasuk pemimpin mereka Muhammad Ibn Saud sehingga orang ramai melantik beliau sebagai Kadi dan Amir Muhammad Ibn Saud sebagai amir mereka. Orang-orang yang mengikut fikirannya dinamakan sebagai mazhab **Wahhabi**.¹

Dikatakan juga bahawa ayah beliau Abd al-Wahhab Ibn Sulaiman adalah seorang ulama **Sunni** yang baik dari Madinah² telah mengetahui yang Muhammad (anaknya) ini akan memulakan gerakan penyelewengan dan ayahnya juga telah menasihati orang ramai agar jangan bercakap-cakap dengannya. Walaupun begitu Muhammad (anaknya) telah mengumumkan penubuhan mazhab **Wahhabi** pada tahun 1150H/1737M dengan tujuan untuk memperdayakan golongan-golongan yang jahil dan untuk menyesatkan mereka. Beliau juga menghina ijtihad ulama-ulama Islam dan mengkafirkan orang-orang Ahli Sunnah wal-Jammah dengan

-
1. Ayyub Sabri Pasha, **Faham Wahhabi dan Penyelewengannya**, terjemahan Abu Bakar Othman, Percetakan Surya, Johor Bharu, t.t., hlm. I.
 2. Dari sejarah hidup beliau tidak ada bukti yang menunjukkan dia ada tinggal menetap di Madinah ini merupakan satu fakta yang salah.

mengatakan barangsiapa menziarahi makam para rasul atau wali dan memohon sesuatu dengan berkata, "Ya nabi Allah", atau seperti "Ya Abd Qadir (al-Jailani), maka kata-kata seperti itu boleh menjadi musyrik.¹

Selain itu Ayyub Sabri Pasha menyebut bahawa golongan **wahhabi** merupakan golongan yang bertopengkan tauhid dengan tujuan mahu memecah belahkan golongan Ahli Sunnah wal-Jamaah, katanya:

"Bagi mereka yang mengetahui pengertian sebenar tauhid akan dapat memahami bahawa golongan **wahhabi** yang mendakwa diri mereka sebagai **Muwahhidun** (yang mentauhidkan Allah) bukanlah **muwahhid** yang sebenar tetapi merupakan golongan yang bertopengkan tauhid yang ingin memecah belahkan Ahli **al-tauhid** dan merubah di dalam Islam."²

Selain itu Ayyub Sabri Pasha menyebut lagi bahawa oleh kerana ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab selari dengan kehendak hawa nafsu orang ramai dengan mudah dapat menarik golongan yang tidak mempunyai pengetahuan agama untuk mengikutinya. Pengikut-pengikut beliau mendakwa ulama-ulama Ahli Sunnah dan umat Islam yang berada di jalan yang benar sebagai kafir. Amir-amir yang

1. *Ibid.*, hlm. 2-3.

2. *Ibid.*, hlm. 3-4.

mengikut ajaran **wahhabi** telah meningkatkan lagi kekuasaan serta tanah jajahan mereka sehingga mereka memaksa orang-orang Arab menjadi pengikut **wahhabi** dan mereka membunuh sesiapa sahaja yang menentang mereka, kerana itu penduduk dipendalaman yang takutkan mati, terpaksa memberikan taat setia kepada Amir Diriyyah Muhammad Ibn Saud, dan sanggup menjadi tenteranya.¹

Kemudian disebut lagi bahawa oleh kerana guru-guru Muhammad menyedari jalan yang dilaluinya boleh membawa kepada kesesatan lalu mereka mengkritik dan menyangkal kitab-kitab tulisannya yang menyeleweng serta memberitahu kepada umum tentang kesesatan ajarannya, juga menolak fahaman **wahhabi** dengan mengemukakan hujjah-hujjah dan dalil-dalil dari ayat-ayat al-Quran dan Sunnah Rasul s.a.w.²

Bukan itu sahaja yang disebut oleh Ayyub Pasha, bahkan dikatakan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab menyebarkan ajaran salahnya melalui kekejaman dan pertumpahan darah dengan mendapat sokongan dari Amir Diriyyah seorang amir yang berhati batu; Ayyub Sabri Pasha ada menyebut katanya:

1. *Ibid.*, hlm. 8-9.

2. *Ibid.*, hlm. 9.

"Ajaran-ajaran sesat **Wahhabi** ini bukanlah tersebar menerusi keilmuan tetapi melalui kekejaman dan pertumpahan darah. Di antara orang-orang kejam yang menumpahkan darah dengan cara ini termasuklah Amir Diriyyah yang terkenal sebagai seorang yang berhati batu. Manusia ini yang menjadi nenek-moyang kepada keturunan amir-amir Arab Saudi yang ada sekarang. Mereka adalah berasal dari kaum Bani Hanifah dan juga merupakan salah seorang dari keturunan yang mempercayai Musailamah al-Kazzab sebagai nabi."¹

Dari petikan pendapat Ayyub Sabri Pasha di atas jelaslah bahawa beliau menganggap Muhammad Ibn Abd al-Wahhab seorang tokoh yang menyeleweng dan sesat, mengajak orang ramai kepada kesesatan sehingga menolak ajaran Ahli Sunnah wal-Jamaah dan menubuhkan mazhab baru yang sesat iaitu mazhab **Wahhabi**.

(h) **K.H. Sirajuddin Abbas**

Selain daripada ulama'-ulama' di atas K.H. Sirajuddin Abbas, seorang ulama' dari Indonesia banyak menyebut penyelewengan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab khususnya dalam akidah sehingga beliau menulis tajuk khas penyelewengan tersebut dengan diberi jodol: "*Iitiqad Kaum Wahabi Yang Bertentangan Dengan Iitiqad Ahlussunnah Wal-Jamaahi.*" di dalam bukunya "*Itiqad Ahl*

1. *Ibid.*, hlm. 9-10.

al-Sunnah wa al-Jammah"Dalam tajuk di atas beliau menyenaraikan beberapa perkara penyelewengan akidah yang dilakukan oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, dikatakan Muhammad menyebut berdoa dengan bertawassul adalah syirik, *istighathah* atau meminta pertolongan dengan malaikat, Nabi-nabi dan orang-orang soleh adalah syirik, menziarah kubur adalah haram, mendiri bangunan **kubbah** di atas kubur juga haram, menghisap rokok adalah haram dan syirik, **kubbah** tempat Nabi dilahirkan (diperanakan) diruntuh, juga golongan **Wahhabi** (termasuk Muhammad dan pengikutnya) melarang orang ramai mempelajari sifat dua puluh, sedangkan perkara itu dianjurkan oleh kaum Ahli sunnah Wal-Jamaah. Dikatakan beliau mencipta satu pengajian tauhid cara baru yang tidak ada di zaman Nabi Muhammad s.a.w. di zaman-zaman sahabat baginda, pengajian baru itu dinamakan dengan "Tauhid **Rububiyyah** dan **Uluhiyyah**".¹ Di samping itu beliau juga menyebut tuduhan-tuduhan seperti yang dibuat oleh al-Sayyid Ahmad Zaini Dahlan seperti yang disebut di dalam kitab beliau sebelum ini.²

Demikianlah sebahagian daripada pendapat beberapa ulama' yang mengatakan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab seorang yang rosak akidah, membawa ajaran yang

1. K.H. Sirajuddin Abbas, *op.cit.*, hlm. 316-330.

2. *Ibid.*

menyeleweng, menghina dan merendah-rendah kedudukan Nabi Muhammad s.a.w., mengkafirkan orang-orang Islam yang tidak mengikutnya, dia keluar dari golongan Ahli Sunnah wal-Jamaah, menubuh mazhab baru mazhab **Wahhabi** dan lain-lain sebutan lagi.

Yang menjadi persoalan di sini ialah adakah kata-kata seperti di atas itu benar dan betul keluar dari mulut Muhammad sendiri atau ia merupakan tuduhan-tuduhan karut dari kalangan musuh-musuhnya. Jikalau dikaji daripada jawapan-jawapan beliau dan jawapan ulama' lain yang mengikutnya didapati apa yang disebut di atas itu adalah tuduhan-tuduhan karut dilemparkan oleh musuh-musuh beliau untuk memburuk-burukkannya.

Dalam menghadapi tuduhan-tuduhan itu Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan pengikutnya banyak menyebut: "هذا كثان عظيم" (Ini adalah tuduhan karut yang besar).¹ Untuk penjelasan yang lebih jelas di bawah ini penulis membawa beberapa jawapan dan pandangan beliau juga pendapat ulama'-ulama' penyokongnya mengenai tuduhan-tuduhan tersebut.

1. Lihat jawapan beliau dan pengikut-pengikutnya lepas ini.

(d) **Jawapan Beliau Dan Pengikutnya**

Jikalau dikaji kepada surat-surat jawapan Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab yang dihantar kepada ulama'-ulama' yang memburuk-burukkan beliau dan dakwahnya, juga dalam dialog-dialog beliau dengan mereka itu, serta dari surat-surat jawapan anak-anak beliau dan ulama'-ulama' yang menyokongnya didapati dalam perkara *furu'*, dia bermazhab Hanbali, manakala dalam bidang akidah (*usul*) dia mengikut mazhab *Salafus al-saleh* dan dia tetap mendakwa sebagai pengikut Ahli Sunnah wal-Jamaah.¹

Sewaktu membicarakan ajarannya dahulu, telah disebut beberapa contoh jawapan beliau dan anak cucunya terhadap beberapa tuduhan yang dilemparkan kepadanya. Di sini penulis akan tambah lagi contoh-contoh lain sebagai tambahan kepada jawapan-jawapan yang lepas. Tetapi sebelum penulis mengemukakan jawapan-jawapan tambahan itu, terlebih dahulu penulis ingin menjelaskan mengapa didapati ramai orang menentang dan tidak bersetuju dengan beliau serta menuduh beliau dan dakwahnya menyeleweng dan keluar dari mazhab empat. Tuduhan-tuduhan itu terus berlaku dari awal dakwahnya sampai ke hari ini.

1. Telah disebut sebelum ini dan akan dijelas lagi selepas ini.

Mengikut Dr. Abdullah al-Salleh al-Uthaimin, ada dua sebab besar menyebabkan orang ramai menolak dan menentang Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan buah fikirannya, pertama, kerana salah faham dari segolongan kecil pengikut beliau sendiri yang akstrim. Kedua, sikap musuh-musuh beliau yang membuat berbagai-bagai tuduhan karut kepadanya.

Mengenai sebab pertama, segolongan kecil pengikut beliau tidak mengetahui dengan sebenar perkara-perkara yang didakwahnya, banyak perkara penting atau asasi tidak diketahuinya. Dengan itu mereka mengambil sikap yang salah terhadap dakwahnya sehingga melakukan perkara yang bukan-bukan yang beliau sendiri tidak merestuinya. Umpamanya ada dari kalangan penyokong-penyokong awal beliau menentang golongan Syarif kerana memakai pakaian khas yang berbeza dengan pakaian orang lain. Manakala setengah yang lain pula merosakkan kitab-kitab ilmiah khususnya sewaktu mereka menawan Taif tahun 1217H tanpa alasan yang kuat. Sikap segelintir pengikut beliau sedemikian bukan sahaja dimarahi oleh musuh-musuhnya tetapi juga oleh beliau sendiri dan penyokong-penyokong yang lain. Selain itu oleh sebab beliau sendiri membenarkan meroboh **kubbah-kubbah** di atas kubur termasuk kubur para wali menambahkan lagi bencinya musuh beliau

kepadanya.¹

Di samping itu ada setengah penulis yang menulis sejarah Muhammad Ibn Abd al-Wahhab melakukan kesilapan dengan memasukkan fakta-fakta yang salah ke dalam buku-buku mereka. Di antara penulis tersebut ialah Karsten Niebuer seorang penulis Barat. Beliau menyebut Muhammad Ibn Abd al-Wahhab mendakwa menjadi Nabi, mengingkari turun sebarang kitab dari langit. Kemudian apa yang ditulis itu diterima oleh setengah penulis Barat yang lain di sekitar abad ke-19M, lalu disebar dengan lebih meluas.²

Manakala sebab kedua, sikap musuh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab. Mereka ini pada umumnya sangat kuat menentang beliau dan membuat berbagai-bagai tuduhan yang bukan-bukan seperti dikatakan dia mendakwa menjadi nabi,³ beliau menunai kewajipan agama semata-mata kerana ingin menipu orang ramai, memanggil pengikut-pengikut beliau dengan panggilan *wahhabi*, golongan *Mubtadi'*,

-
1. Dr. Abdullah al-Salleh al-Uthaimin, *op.cit.*, hlm. 115-116.
 2. *Ibid.*, hlm. 116-117.
 3. Sepertimana yang telah disebut sebelum ini.

golongan Khawarij dan lain-lain.¹ Ini semua boleh menakutkan orang ramai dari mendekati dan mengikut ajarannya.

Bagi Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya yang yakin ajarannya betul tidak lari dari ajaran Ahli Sunnah, mereka tetap memberi berbagai jawapan terhadap tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh musuh-musuhnya disepanjang masa semenjak awal dakwahnya sampai ke hari ini.

Dalam kitab **Da'wa al-Munawiin**, penulisnya menyebut ramai ulama' turut serta memberi jawapan dan membela Muhammad dengan mengemukakan berbagai hujah, di antara ulama'-ulama' itu Shaykh Ahmad Ibn Mani' (M.1186H.), seorang murid Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, beliau menulis risalah jawapan terhadap tuduhan dari Abdullah al-Muis seorang musuh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab. Begitu juga Shaykh Muhammad Ibn Ghaihab dan Muhammad Ibn 'Aidan,² kedua-duanya juga murid Shaykh Muhammad. Mereka berdua menulis risalah kepada Abdullah al-Muis menasihati beliau di samping mengajaknya supaya

-
1. Dr. Abdullah al-Salleh al-Uthaimin, *op.cit.*, hlm. 117-118.
 2. Tidak diketahui sejarah hidupnya.

berpegang kepada akidah salaf. Selain itu Shaykh Muhammad Ibn Ali Ibn Gharib (M.1209H.), Shaykh Hamad Ibn Muammar (M.1225H.) dan Shaykh Abdullah Ibn Muhammad Ibn Abd. Wahhab (M.1242H.), menulis kitab diberi nama "*al-Taudih An Tawhid al-Khallaq Fi Jawab Ahl al-Iraq*" sebagai jawapan kepada tuduhan yang dilakukan oleh Shaykh Abdullah al-Rawi dari Iraq.¹

Anak-anak cucu beliau juga memain peranan penting dalam mempertahankan kebenaran ajaran beliau seperti Shaykh Abd Aziz Ibn Hamad (M.1240H.) cucu beliau yang pernah dilantik menjadi kadi di Dir'iyyah. Beliau menjawab tuduhan-tuduhan yang ada tertulis dalam risalah "*al-Masail al-Syariyyah Ila 'Ulama' al-Diriyyah*". Begitu juga cucunya Shaykh Abd. Rahman Ibn Hassan Ibn Muhammad (M.1285H.) menjawab beberapa tuduhan dari Shaykh Daud Ibn Jarjis dari Iraq dalam kitabnya "*al-Qaul al-Fasl al-Nafis Fi al-Rad 'Ala Dawud Ibn Jarjis*".² Begitu juga dengan seorang lagi cucunya Shaykh Abd. Latif Ibn Abd. Rahman Ibn Hassan banyak menulis jawapan terhadap tuduhan-tuduhan musuhnya.³

-
1. Abd Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif, *op.cit.*.. hlm. 58-59.
 2. *Ibid.*, hlm. 61-62.
 3. *Ibid.*, hlm. 63.

Selain daripada yang disebut di atas ramai lagi ulama'-ulama' lain yang turut serta menulis dan menjawab tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada Muhammad Ibn Abd al-Wahhab disepanjang zaman.

Di bawah ini penulis akan sebut beberapa contoh jawapan daripada Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan penyokongnya terhadap beberapa tuduhan mengenai ajaran beliau sebagai tambahan kepada jawapan-jawapan sebelum ini.

Dalam kitab-kitab karangan Muhammad, beliau menjelas dengan panjang lebar bahawa dia berpegang kepada akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah tidak lari daripadanya. Sewaktu menjelas mengenai buah fikiranya dahulu penulis telah banyak menyebut penjelasan beliau dan anak cucunya bahawa mereka adalah pengikut mazhab Ahli Sunnah percaya kepada al-Quran dan rukun-rukun iman yang lain sama seperti kepercayaan golongan Ahli Sunnah yang lain. Dalam surat beliau kepada penduduk Qasim umpamanya beliau menjelas mengenai beriman kepada Allah Taala katanya:

"Aku beriman dengan segala apa yang disebut dalam kitab Allah (al-Qur'an) melalui lidah RasulNya tanpa diubah dan *dita'til* (dinafikan) bahkan aku beriktikad Allah Taala tidak menyerupai dengan sesuatu. Dia Maha Mendengar lagi Maha

Melihat. Aku tidak menafii apa yang Dia sifatkan untukNya, aku tidak merubah kalam Allah dari tempatnya, aku tidak menyerupakan Allah dengan sebarang bentuk dan rupa, tidak menyamakan sebarang sifat Allah dengan sifat-sifat makhluknya kerana Allah tidak ada yang serupa denganNya dan Dia tidak menyerupai dengan sesuatu ... Dan membersihkan sifat Allah dari sebarang sifat yang disifatkan oleh golongan ahli **Takyif** dan **tamthil** (golongan yang mempelbagai atau yang menyerupai Allah dengan makhluk) juga membersihkan zatNya dari penafian golongan yang menafikanNya seperti golongan **tahrif** dan **ta'til** (yang merubah serta menafikan sifat-sifat Allah)."¹

Dari jawapan itu jelas dia menafikan pandangan musuh beliau yang mengatakan dia seorang yang **mentajsimkan** Allah, atau menyerupakan Allah dengan makhluk bahkan kata-kata musuh tersebut merupakan tuduhan karut semata-mata.

Anak beliau Shaykh Abdullah bin Muhammad sewaktu memasuki Mekkah tahun 1218H., menjelas akidah yang dipegang oleh kumpulan mereka, katanya:

"Mazhab kami dalam perkara Usuluddin ialah mazhab Ahli Sunnah wal-Jamaah dan jalan kami ialah jalan **Salafus al-Saleh** iaitu jalan yang lebih selamat dan lebih bijak, berbeza

1. Abd Rahman Ibn Qasim al-'Asimi al-Najd, *op.cit.*, jid. I, hlm. 28.

dari pendapat yang mengatakan jalan *khalaif* lebih selamat. Kami menerima ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith mengenai sifat-sifat Allah (tanpa *ta'wil*), manakala maksudnya kami berserah kepada Allah.¹

Di tempat lain beliau menyebut:

"Apa yang kami iktikad dan kami pegangi ialah mengikut mazhab *Salafus-Ummah* (*Salafus al-salleh*) seperti yang dipegang oleh para sahabat, tabiin dan tabii al-tabiin dan oleh iman-imam empat mazhab serta pengikut-pengikut mereka, iaitu beriman dengan nama-nama dan sifat-sifat Allah (yang disebut dalam al-Qur'an dan Sunnah) tanpa *tasybih*, *ta'til* dan *tamthil*. Kami ikut jalan *Salafus-Ummah*, iaitu beriman dengan semua sifat dan nama Allah yang disifat dan dinamakan oleh Allah sendiri dalam kitabNya dengan melalui lidah Nabi Muhammad s.a.w. tanpa ditokok tambah dan dikurangkan, tidak ada melampau, tidak ada *ta'wil* yang menyalahi zahirnya, dan tidak *ditasybih* dengan sifat-sifat makhluk.²

Berkenaan Nabi Muhammad s.a.w., Muhammad Ibn Abd al-Wahhab mengaku baginda Nabi akhir zaman, diutus untuk seluruh manusia. Seseorang tidak dianggap beriman kecuali setelah beriman dengan risalah baginda, dan

1. *Ibid.*, jid. I, hlm. 126.

2. Abd Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif, *op.cit.*, hlm. 116.

mengaku baginda boleh memberi **syafaat** seperti yang diizinkan oleh Allah kepadanya.¹

Manakala kedudukan sahabat Rasulullah s.a.w. beliau menyebut, yang paling afdal dari kalangan mereka ialah Abu Bakar al-Siddiq kemudian Umar al-Khattab, kemudian Othman Zu Nurain kemudian Ali al-Murtada, kemudian sahabat yang baki dari sepuluh orang yang dijamin masuk syurga oleh baginda dan seterusnya sahabat-sahabat lain lagi.²

Manakala cucu beliau Shaykh Abd. Latif bin Abd. Rahman sewaktu menjelaskan ajaran dakwah datuknya menyebut bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab mengajak orang ramai supaya menyembah Allah dengan sebenar, tidak syirik kepadaNya, mengajak mereka bersembahyang lima waktu dan tekun mengerjakannya, menunai zakat, puasa dan menunai haji, menyuruh melakukan **amar makruf** dan **nahi mungkar**. Mengenai Usuluddin pula dia berpegang

-
1. Telah disebut dalam dakwah beliau sebelum ini.
 2. Abd Aziz Ibn Zaid al-Rumi, Dr. Muhammad Baltaji, Dr. Sayyid Hijab, **Mualafat al-Shaykh al-Imam Muhammad Ibn Abd al-Wahhab**, jid. 5, Matbaah Jamiah al-Imam Muhammad Ibn Sawd, Riyadh, t.t., hlm. 8-11, Abd Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif, **op.cit.**, hlm. 21.

dan mendakwah orang lain apa yang dipegang oleh Ahli Sunnah manakala mengenai perkara **furu'** dan fekah dia mengikut mazhab Hanbali dan tidak ada pendapatnya yang menyalahi pendapat imam empat.¹

Dalam surat Shaykh Abd. Latif kepada penduduk Hijaz, Asir dan Yaman beliau menyebut bahawa perkara yang mereka iktikad dan mereka pegangi juga yang mereka dakwah orang ramai ialah agama Islam yang diwajibkan oleh Allah supaya manusia menerima dan ia adalah hak Allah yang manusia mesti tunaikan, Allah mencipta manusia supaya menyembahNya dan jangan syirik. Mereka meroboh **kubbah-kubbah** di atas kubur dan melarang jangan meninggikan kubur, menyuruh menunai sembahyang berjamaah di masjid. Mana-mana orang yang tidak mahu berjemaah dinasihatinya. Disuruh orang ramai menunai syariat Islam yang lain seperti zakat, puasa dan haji, melakukan **amar makruf** dan **nahi mungkar**, melarang makan riba, berzina, minum arak, menegah lelaki memakai sutera, jangan derhaka kepada kedua ibubapa dan jangan memutus **silatur-rahim**. Kemudian beliau membuat kesimpulan dengan katanya:

Kesimpulannya, kami menyuruh dan memerintah apa yang disuruh dan diperintah oleh Allah dalam kitabNya

1. *Ibid.*, hlm. 23.

al-Qur'an dan oleh RasulNya Nabi Muhammad s.a.w. juga kami larang apa yang dilarang oleh Allah dan RasulNya. Kami tidak mengharam kecuali yang Allah (dan Nabi) haram, dan kami tidak menghalal kecuali yang Allah (dan Nabi) halal. Inilah yang kami seru dan dakwahkan. Sesiapa yang mahu mencari kebenaran dan kebaikan serta mahu memasuki di dalamnya dia hendaklah mengiltizamkan diri dengan apa yang kami sebutkan dan mengerjakan apa yang kami tetapkan.¹

Manakala berhubung dengan tuduhan-tuduhan lain lagi Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya memberi jawapan yang jelas, umpamanya mengenai tuduhan yang mengatakan dia mendakwa jadi Nabi dan merendah-rendah kedudukan Nabi s.a.w., beliau memberi jawapan dengan katanya:²

"Telah sampai berita kepadaku tuduhan yang mengatakan aku merendah-rendah martabat Nabi s.a.w. - Maha Suci Allah - ini tuduhan karut yang besar ... dan apa yang disebut-sebut orang yang mengatakan aku melarang orang jangan berselawat kepada baginda s.a.w. dan dikatakan aku ada menyebut, "Sekiranya aku berkuasa, aku akan merobohkan **Kubbah** di kubur Nabi s.a.w.", semua itu .

1. Abd. Rahman Ibn Abd. Latif, *op.cit.*, hlm. 290-291

2. Banyak jawapan beliau mengenai perkara ini telah disebut sebelum ini.

adalah tuduhan karut yang besar, direka dan diada-adakan oleh syaitan-syaitan yang ingin makan harta orang secara batil.¹

Selain itu waktu beliau menjelaskan tiga usul penting yang wajib diketahui oleh setiap orang muslim, beliau menyebut bahawa usul yang ketiga ialah mengetahui (dan beriman) kepada Nabi Muhammad s.a.w., iaitu baginda dari kaum Quraisy dari keturunan Nabi Ismail anak nabi Ibrahim a.s., Nabi untuk semua manusia baginda mengajak manusia supaya menyembah Allah dan menjauhi syirik kepadaNya.²

Sebelum itu beliau jelaskan usul penting pertama dan kedua. Usul yang pertama ialah manusia mestи mengenali dan mengetahui Allah dengan ertikata yang sebenar. Manakala usul penting kedua ialah mengetahui dan mengenali agama Islam dan ajarannya yang di bawa oleh Rasulullah s.a.w.³

-
1. Abd. Aziz Ibn Zaid al-Rumi dan kawan, *op.cit.*, jid. 5, hlm. 52.
 2. Abd Rahman Ibn Muhammad Ibn Qasim al-Najdi, *Hasyiah Thalathah al-Usul*, Syarikah Matabi' al-Jazirah, 1972M/1393H, hlm. 68-87.
 3. *Ibid.*, hlm. 25.

Dari penjelasan di atas jelaslah bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab beranggapan seseorang Islam itu tidak dipanggil orang Islam kalau dia tidak mengetahui ketigatiga usul penting di atas. Jadi jika seseorang itu tidak percaya kepada kenabian Nabi Muhammad s.a.w., bahkan mendakwa menjadi Nabi seperti tuduhan di atas, maka dakwaan seperti itu boleh menjadi murtad. Kalau demikianlah sikap dan pegangan beliau yang sebenar tentulah apa yang dikatakan beliau pernah mendakwa menjadi Nabi adalah satu tuduhan karut kerana bercanggah dengan apa yang diimaninya sebagaimana yang dijelaskan di atas.

Untuk menguatkan lagi jawapannya, dalam surat yang dihantar kepada Shaykh Abd. Rahman al-Suwaid seorang ulama' musuhnya dari Iraq beliau menyebut:

"Alangkah peleknya (tuduhan itu), bagaimana boleh diterima oleh orang yang berakal? Apakah kata-kata seperti itu diucap oleh orang muslim atau orang kafir atau oleh orang alim atau orang gila? Mengenai tuduhan yang mengatakan aku akan meroboh **khubbah** di atas kubur Nabi s.a.w. jika aku berkuasa, itu adalah satu tuduhan karut yang besar. Adapun mengenai kitab "*Dail al-Khairat*" (yang aku larang orang ramai membacanya) itu ada sebabnya, iaitu aku memberi nasihat kepada saudara-saudara ku orang Islam jangan jadikan kitab itu lebih baik dari kitab Allah (al-Qur'an) dan jangan menganggap membacanya lebih baik dan lebih bagus dari membaca

al-Qur'an. Apa yang dikatakan aku membakar kitab itu dan melarang orang dari berselawat kepada Nabi s.a.w. dengan sebarang lafaz, itu semua adalah tuduhan karut yang besar.¹

Anak beliau Shaykh Abdullah salah seorang ulama' besar, sewaktu masuk Mekkah awal tahun 1218H., menjelaskan bahawa tuduhan di atas adalah karut katanya:

"Apa yang dibohongkan terhadap kami dengan tujuan untuk menutup kebenaran dan bagi memutar balikkan fakta yang sebenar dari diketahui oleh orang ramai dengan mengatakan kami merendah-rendah kedudukan Nabi Muhammad s.a.w., (tubuh) nabi telah hancur dalam kubur dan tongkat salah seorang dari penyokong kami lebih berguna dari Nabi s.a.w., *syafaat* Nabi tidak ada, menziarahi kubur (makamnya) tidak sunat ... dan kami melarang berselawat kepada Nabi, maka jawapan kami kepada semua perkara yang disebut itu adalah tuduhan karut yang besar, sesiapa yang mengatakan kami berkata demikian, sebenarnya itu adalah bohong dan tuduhan karut kepada kami."

"Sesiapa yang menyaksikan keadaan kami dan menghadiri majlis-majlis pengajian kami tahu lah dia bahawa semua tuduhan itu diada-adakan oleh musuh-musuh kami dan oleh saudara syaitan bertujuan untuk melahirkan

1. Abd Aziz Ibn Zaid al-Rumi dan kawan, *op.cit.*, jid. 5, hlm. 37.

kebencian orang ramai. Apa yang kami yakini mengenai Nabi Muhammad s.a.w. dia adalah makhluk Allah yang paling tinggi, baginda hidup dalam kuburnya sebagai hidup di dalam **barzakh** lebih baik dari hidup para syuhada."¹

Selain dari jawapan-jawapan di atas, seorang lagi penyokong beliau iaitu Sulaiman bin Sahman menjawab tuduhan yang disebut oleh Ali Alwi al-Haddad mengenai Muhammad Ibn Abd al-Wahhab. Katanya apa yang dikatakan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab mendakwa jadi Nabi dan lain-lain lagi itu adalah sebesar-besarnya kebatilan bagaimana dikatakan dia menyembunyikan rahsia mendakwa menjadi Nabi, ini adalah perkara hati yang tidak ada seorang pun yang mengetahuinya kecuali Allah, bagaimana dituduh demikian. Seolah-oleh orang itu mengetahui apa yang tersemat di hati Shaykh Muhammad, ini tidak mungkin.¹

Manakala Shaykh Ahmad Ibn Hajar Alu Butami menyebut bagaimana Shaykh Muhammad benci kepada Nabi s.a.w. sedangkan dia menulis sebuah kitab sirah

-
1. Abd Rahman Ibn al-Qasim al-Asimi al-Najdi, *op.cit.*, jid. 1, hlm. 127-128.
 2. Abd Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif, *op.cit.*, hlm. 84.

berjudul: "Mukhtasar al-Sirah". Kitab ini dicetak beberapa kali dan disebar ke seluruh dunia Islam, kalau dia betul-betul benci kepada Rasulullah s.a.w., tentu beliau tidak mengarangnya dengan betul. Orang yang benci kepada Nabi s.a.w., sebenarnya bukan orang Islam bahkan dia mungkin orang Yahudi atau Kristian. Shaykh Muhammad dan pengikutnya mengajak orang ramai supaya berpegang kepada Sunnah Rasul yang sahih dan menentang keras orang yang menyalahi sunnah yang dianggap sebagai *mubtadi'*. Ini semua jelas Shaykh Muhammad kasih dan cinta kepada Nabi Muhammad s.a.w.¹

Selain itu Shaykh Mahmood Syukri al-Alusi seorang ulama' Iraq yang terkenal menyebut ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab adalah benar dan betul. Antara lain beliau membuat kesimpulan bahawa pegangan mereka (penduduk-penduduk Najd yang berpegang kepada ajaran Shaykh Muhammad) mengenai Usuluddin adalah mengikut mazhab Ahli Sunah wal-Jamaah, dan jalan yang mereka ikuti ialah jalan *Salafus al-Saleh* iaitu jalan yang lebih selamat dan lebih baik. Dalam perkara *furu'* (Fiqh) mereka mengikut mazhab Imam Ahmad Ibn Hanbal.²

1. Ahmad Ibn Hajar Alu Butami, *op.cit.*, hlm. 108.

2. Shaykh Mahmood Syukri al-Alusi, *Tarikh Najd*, hlm. 41.

Kemudian beliau menjawab beberapa tuduhan yang dilemparkan kepada Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab katanya:

"Apa yang dikatakan bahawa mereka (Muhammad dan pengikut-pengikutnya) menyembunyi kebenaran, mentafsir al-Quran mengikut fikiran sendiri, mereka mengambil hadith Nabi yang sesuai dengan fahaman mereka dengan tidak dirujuk kepada kitab-kitab syarah hadith, mereka merendah-rendahkan martabat dan kedudukan nabi sehingga dikatakan nabi tidak boleh memberi *syafaat*, menziarahi makamnya tidak sunat, mereka mengafirkan semua orang Islam yang hidup selepas 600 tahun kewafatan nabi hingga ke zaman ini kecuali orang yang mengikut mazhabnya, mereka melarang daripada berselawat kepada nabi s.a.w., mereka melarang orang ramai daripada menziarahi kubur dan lain-lain tuduhan, kesemanya itu tuduhan karut dan bohong serta dusta semata-mata, direka oleh musuh-musuh mereka daripada golongan sesat dan penyokong-penyokong bid'ah."

"Apa yang sebenar kami dapati kata-kata mereka, perbuatan dan kitab-kitab mereka menyebut perkara yang sebaliknya (tidak seperti apa yang dituduh). Sesiapa yang menyebut perkara-perkara di atas, itu adalah satu pembohongan terhadap mereka. Sesiapa yang melihat keadaan mereka serta mengkaji apa yang mereka lakukan maka tahu lah kata-kata itu adalah rekaan semata-mata, satu perkara yang diada-adakan oleh musuh-musuh agama dan saudara syaitan, dengan tujuan untuk menjauhkan orang ramai daripada mengikhlaskan tauhid kepada Allah dan daripada meninggal sebarang bentuk syirik yang tidak diampuni

oleh Allah."¹

Dari apa yang disebut oleh Shaykh Mahmood Syukri al-Alusi di atas jelas tidak ada ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab yang menyeleweng dan menyesatkan. Apa yang disebut oleh musuh-musuh beliau sebenarnya tuduhan-tuduhan karut dan bohong, tidak ada bukti yang kuat.

Kalau dilihat kepada kitab-kitab dan risalah-risalah yang ditulis oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab sendiri didapati penuh dengan dalil-dalil ayat al-Quran dan hadith-hadith Rasulullah s.a.w.² Dalam kitab **Kasyf al-Syubhat** umpamanya dibuat tajuk khas menjelaskan mengenai hak-hak Rasulullah, diberi jodol: "**Bab Huquq al-Nabii s.a.w.**".³ (Bab menjelaskan hak-hak Nabi s.a.w.). Di dalamnya di bawa beberapa ayat al-Quran⁴ yang menyuruh manusia mentaati Rasulullah s.a.w dan menjauhi apa yang dilarangnya juga dibawa hadith Rasul di antaranya hadith:

-
1. *Ibid.*, hlm. 42-43, Dr. Salleh Abdullah al-Abud, *op.cit.*, hlm. 662-663.
 2. Lihat kitab-kitab beliau seperti kitab **al-Tawhid Kasyf al-Syubhat**, Kitab al-Kabair dan lain-lain.
 3. Muhammad Ibn Abd Wahhab, **Kasyf al-Syubhat** dalam **Majmu' al-Mualafat** al-Shaykh, jid. 1, hlm. 260-261.
 4. Dibawanya ayat: 59 surah al-Nisa', ayat 56, surah al-Nur dan ayat: 7, surah al-Hasyr.

ثلاث من كن فيه وجد بمن حلاوة الاعياد من كان الله ورسوله أحب اليه مما سواها وأن يحب المرء لا يحبه الا الله وأن يكره أن يعود في الكفر بعد أن أنقذه

الله منه كما يكره أن يقذف في النار
Ertinya:

Tiga perkara sesiapa yang ada padanya (tiga perkara itu) dia dapati kemanisan iman: (pertama) bahawa Allah dan RasulNya lebih dia kasih lebih dari yang lain, (kedua) dia kasih kepada seseorang adalah kerana Allah jua (ketiga) dia benci kembali kepada kufur selepas Allah menyelamatnya, sama seperti dia benci dicampakkan ke dalam api¹

Juga di bawa lagi hadith lain yang bermaksud:

"Tidak beriman seseorang kamu sehingga dia jadikan aku (Nabi Muhammad s.a.w) lebih dia kasih dari anaknya, dari kedua ibu bapanya dan manusia lain seluruhnya.²

Kalau beginilah sikap Muhammad Ibn Abd al-Wahhab terhadap Rasulullah s.a.w., apakah boleh dikatakan dia benci kepada nabi dan mendakwa menjadi nabi, tentulah tidak mungkin. Kalau dia benci, tentu dia menolak hadith-hadith rasul dan dihinanya. Sedangkan apa yang berlaku dia menyanjung baginda dan hadith-hadithnya dan

-
1. Imam Abu al-Hussin Muslim Ibn al-Hajjaj al-Nisaburi, *Sahib Muslim*, jid. 1, Dar al-Ifta wa al-Da'wah wa al-Irsyad, Riyadh, 1980M., hlm. 66.
 2. Imam Jalaluddin Abd Rahman Ibn Abi Bakr, al-Suyuti, *op.cit.*, jid. 2, hlm. 204.

dia sayang kepada keluarga baginda dan sahabatnya.

Apa yang disebut oleh musuh bahawa dia banyak membaca sejarah orang-orang yang mendakwa menjadi nabi seperti Musailamah al-Kazzab, al-Aswad al-Ansi dan lain-lain, ini kalaupun betul - bukan satu bukti yang menunjukkan dia telah mendakwa menjadi nabi. Kerana sejarah itu perlu dibaca oleh setiap orang Islam dulu dan sekarang dengan tujuan untuk diambil iktibar dan pengajaran daripadanya di samping bagi mengetahui bagaimana sejarah mereka itu yang sebenar dan untuk mengetahui bagaimana cara mereka dapat mempengaruhi orang ramai. Bukannya dengan sebab dia membaca sejarah Musailah al-Kazzab, ini tidak betul, lalu dikatakan dia mendakwa menjadi nabi. Ini tidak betul dan tidak boleh diterima.

Berhubung dengan tuduhan yang mengatakan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab menafikan keramat para wali, beliau sendiri menjelaskan dengan menyebut bahawa dia mengaku adanya keramat para wali dan berlaku **kasyaf** pada mereka, tetapi mereka tidak ada kuasa pada hak Allah sedikit juapun, kerana itu jangan memohon dari mereka sesuatu perkara yang tidak berkuasa melakukannya kecuali

Allah.¹

Di tempat lain beliau menyebut bahawa hak para wali yang mesti dilakukan oleh orang Islam ialah, mereka hendaklah mengasihi para wali dan mencontohi cara mereka melakukan amal ibadat, serta percaya adanya keramat bagi para wali. Sesiapa yang mengikari para wali dia adalah **mubtadi'** dan sesat.²

Dalam jawapan yang dikemukakan oleh Shaykh Sulaiman bin Sahman kepada Shaykh Ali Alwi al-Haddad, beliau menyebut bahawa pengikut-pengikut Muhammad Ibn Abd al-Wahhab tidak mengingkari ada berlakunya keramat para wali Allah apabila ia berlaku sesuai dengan neraca syarak. Para wali Allah adalah orang-orang yang bertakwa, mengikut Nabi Muhammad s.a.w., mengerjakan apa yang disuruh oleh Allah dan RasulNya serta meninggal laranganNya.³

-
1. Abd Aziz Ibn Zaid al-Rumi dan kawan, *op.cit.*, hlm. 10-11.
 2. Abd Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif, *op.cit.*, hlm. 139. 139.
 3. Abd Aziz Ibn Muhammad Ibn Ali al-Abd al-Latif, *op.cit.*, hlm. 140.

Manakala perkara yang berhubung dengan tuduhan beliau mengkafirkan orang Islam yang tidak mengikutinya telah banyak disebut dalam tajuk takfir sebelum ini, dan sebagai tambahan kepada jawapan itu penulis petik kata-kata Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, antara lain beliau menyebut:

"Adapun tuduhan yang mengatakan kami mengkafirkan ramai orang Islam secara umum, itu adalah tuduhan karut dari musuh-musuh kami. Maha suci Allah itu adalah tuduhan karut yang besar.¹

Dalam surat beliau kepada Hamad al-Tuwaijiri bagi menjelaskan ajarannya, beliau menyebut bahawa apa yang dikatakan Ibn Abd. Wahhab menyebut orang yang tidak mentaatinya (tidak mengikutinya) adalah kafir, dia memberi jawapan dengan kata:

"Maha suci Allah itu adalah tuduhan karut yang besar. Kami naik saksi kepada Allah bahawa sesiapa yang beramal dengan tauhid dan berlepas diri dari syirik, dia adalah muslim di mana sahaja dia berada; kami mengkafir sesiapa yang mensyirikkan Allah pada tauhid *Uluniyyah* setelah jelas baginya syirik itu batil.²

-
1. Abd Aziz Ibn Zaid al-Rumi dan kawan, *op.cit.*, jid. 3, hlm. 11.
 2. Abd Aziz Ibn Zaid al-Rumi dan kawan, *op.cit.*, jid. 5, hlm. 66.

Demikianlah beberapa contoh jawapan yang telah dikemukakan oleh Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab dan anak cucunya juga ulama'-ulama' yang menyakinkan ajaran mereka adalah betul dan benar. Bagi mempertahankan keyakinan tersebut, jawapan dan penjelasan sangat perlu dikemukakan. Sebenarnya selain daripada apa yang disebut di atas, banyak lagi jawapan-jawapan lain dikemukakan oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan ulama'-ulama' lain pengikutnya di sepanjang zaman semenjak dahulu sampai hari ini.

Sebagai kesimpulan bolehlah disebutkan di sini bahawa dari ulasan yang panjang lebar di atas jelaslah bahawa apa yang dikatakan beliau membawa ajaran salah dan menyeleweng, seperti dikatakan beliau benci dan merendah-rendahkan martabat atau kedudukan Nabi s.a.w., melarang orang ramai melawat dan menziarahi makam baginda, beliau mengkafirkan orang-orang yang tidak mengikutnya, tidak mengiktiraf keramat para wali, dia mentajsimkan Allah dan lain-lain semuanya adalah tuduhan-tuduhan karut dan bohong dari musuh-musuh beliau dari berbagai-bagai pihak bertujuan mahu menjatuhkan beliau dan memburuk-burukkan ajarannya dengan harapan supaya orang ramai benci dan takut kepada ajarannya, dengan itu orang ramai akan menjauhi diri daripadanya dan memandang jelek ajarannya.